

06 NOV 1999

MAHATHIR-MAS

KEJAYAAN PENERBANGAN MALAYSIA KEBANGGAAN NEGARA, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan harapannya untuk melihat Penerbangan Malaysia (MAS) terus berkembang maju termasuk melalui peningkatan bilangan penerbangan.

Katanya sumbangan MAS itu boleh membantu menambah jumlah pelancong yang datang ke negara ini.

"Negara berbangga dengan kejayaan MAS yang kini terbang ke serata dunia dan ke semua benua dengan pesawat-pesawat besar sama seperti yang dimiliki syarikat penerbangan gergasi dunia," katanya ketika berucap pada Hari Keluarga MAS di sini.

Dr Mahathir berkata kejayaan MAS itu bukan saja patut dibanggai warga MAS tetapi juga seluruh rakyat Malaysia.

Katanya lagi MAS berkembang sejak ia dipisahkan daripada perkongsian dengan syarikat penerbangan Singapura dan pada awalnya kerajaan pada masa itu berpendapat Malaysia sebagai sebuah negara kecil, tidak ada keperluan untuk MAS mengendalikan penerbangan antarabangsa.

"Kita fikir penerbangan antarabangsa tidak perlu kerana ia menjadi hak negara maju. Tetapi, kita dapati kita sudah mampu perbesarkan syarikat ini...dan MAS kini terkenal di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata acara hari keluarga penting kerana ia boleh merapatkan hubungan dan mencetuskan perasaan bahawa organisasi itu bukan saja dimiliki pemilik saham tetapi turut dimiliki pekerja dan keluarga mereka.

"Bila kita rasa sesuatu organisasi itu milik kita, akan ada lebih rasa tanggungjawab terhadapnya dan keinginan untuk melihat syarikat mencapai kejayaan untuk kebanggaan bersama," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli.

-- BERNAMA

MAM os